

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 3(1)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 02 TAHUN 2016**

Tarikh : 17 Februari 2016 (Rabu)
Masa : 9.30 pagi hingga 11.15 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah Khidmat Pengurusan | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 5. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 6. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 7. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 8. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 9. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 10. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 11. | Encik Yap Kok Weng | - | " |

- | | | | |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 13. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 14. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 15. | Encik Wan Hock Leong | - | " |
| 16. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 17. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 18. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | " |
| 19. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |
| 20. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 21. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 22. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 23. | Encik Chang Kim Loong | - | " |
| 24. | Puan Wong Siew Ki | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------|---|---------------------------|
| 1. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid | - | Setiausaha
Perbandaran |
|----|---------------------------------|---|---------------------------|

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
8. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Pengarah, Jabatan Bangunan
9. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
11. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
12. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan

14. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
15. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
16. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
17. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
18. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
19. Encik Ahmad bin Hasan
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
22. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
23. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar

28. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
29. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
30. Encik Mohd Razmi bin Mat Sehat
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
31. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
32. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan
33. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
34. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
35. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Puan Asmidar binti Shaarin
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Nadia binti Abu Baharin
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Kamil bin Basir
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Zalmah binti Yahya
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
44. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
46. Puan Azian binti Ropie
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
47. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
48. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
49. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
50. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
51. Encik Zamir Umbra bin Shahimi
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
52. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
53. Puan Nor Najihah binti Sukor
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
54. Encik Mohamad Junus bin Baharom
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
55. Puan Nurul Ain binti Mohammad Napiah
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Diana binti Muhamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
59. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
60. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
61. Puan Salihah binti Ramli
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
62. Cik Norzahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan

URUS SETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN PENGERUSI

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 02/2016 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 PERAYAAN TAHUN BAHARU CINA 2016

Di kesempatan ini juga, saya kira masih belum terlewat untuk pihak saya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina 2016.

Justeru itu, saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu Cina 2016 kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang berbangsa Tionghoa. Tahun Baharu Cina 2016 telah disambut pada 08 Februari 2015 (Isnin) yang lalu. Kedatangan Tahun Baharu Cina tahun ini dalam zodiak Cina iaitu Tahun Monyet sudah pastinya disambut meriah oleh masyarakat Cina. Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan, keharmonian dan kemakmuran dalam kehidupan anda yang meraikannya.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran perayaan Tahun Baharu Cina ini, kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah. **Xin Nian Kuai Le!**

2.2 MAJLIS MENGANGKAT SUMPAAH DAN MENANDATANGANI WATIKAH PELANTIKAN SEBAGAI AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan Majlis Mengangkat Sumpah Dan Menandatangani Watikah Pelantikan Sebagai Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya pada 22 Januari 2016 (Jumaat) bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, MPSJ. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, Yang Dipertua MPSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pelantikan seramai dua puluh dua (22) orang Ahli Majlis MPSJ bagi Penggal 2016/2017 ini.

Justeru itu, pihak Majlis menaruh sepenuh kepercayaan dan keyakinan terhadap kebolehan Ahli Majlis di dalam memberikan sumbangan, nasihat dan bimbingan demi untuk memaju dan meningkatkan prestasi Majlis Perbandaran Subang Jaya.

Tahniah kepada semua Ahli Majlis yang telah dilantik. Semoga tuan-tuan dan puan-puan Ahli Majlis lama dan baharu dapat berganding bahu dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang diamanahkan oleh pihak berkuasa Negeri.

2.3 PROJEK *COMMUNITY INTEGRITY BUILDING* (CIB), MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah dipilih oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan Projek "*Community Integrity Building*" (CIB) yang merupakan projek perintis yang julung kali dilaksanakan di Malaysia.

MPSJ melaksanakan projek ini dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan *Integrity Action, United Kingdom* dengan matlamat memantau kualiti projek dan perkhidmatan pembangunan awam, sekaligus meningkatkan lagi kehidupan masyarakat serta mencegah berlakunya rasuah dan ketirisan.

Pihak Majlis telah memilih kawasan USJ 2 hingga USJ 15 di bawah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 3 sebagai permulaan pelaksanaan projek perintis ini yang mengambil masa selama enam (6) bulan bermula pada 01 Februari 2016 hingga 31 Julai 2016 yang akan memfokuskan kepada pengurusan sampah domestik dan pembersihan awam.

Bagi menjayakan projek ini, pihak Majlis telah melantik seramai 25 Ahli Jawatankuasa Penduduk (JKP) Zon 3 sebagai "*Community Project Monitor*" yang berperanan dalam:

- Pemantauan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor;
- Mengumpulkan maklumat seperti gambar/video sebagai bukti pelaksanaan projek;
- Menghasilkan laporan untuk Jawatankuasa Kerja

Majlis Pelantikan "*Community Project Monitor*" untuk Projek CIB MPSJ telah diadakan pada 17 Februari 2016 (Rabu), pukul 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, MPSJ.

Pihak Majlis merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada semua "*Community Project Monitor*" yang telah dilantik.

Pihak Majlis berharap pelaksanaan Projek CIB ini boleh meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan oleh pihak Majlis kepada masyarakat dan merupakan pendekatan untuk membantu mengenal pasti dan melaksanakan tindakan penyelesaian yang sesuai dan tepat untuk meningkatkan tahap integriti dalam penyampaian perkhidmatan dan kemudahan infrastruktur kepada rakyat dan pada masa yang sama mencegah berlakunya rasuah dan ketirisan.

2.4 MAJLIS PELANCARAN LAMAN MY@MPSJ

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Majlis Pelancaran Laman MY@MPSJ pada 17 Februari 2016 (Rabu), bertempat di Lobi Bangunan Ibu Pejabat MPSJ sejurus selepas berakhirnya Mesyuarat Penuh MPSJ pada hari ini.

Laman MY@MPSJ akan menyediakan perkhidmatan seperti berikut;

- i. Kaunter Ansuran Cukai Taksiran
- ii. OSC Online

Bagi menambahbaik sistem perkhidmatan dan penyampaian MPSJ, pihak Majlis turut menyediakan Perkhidmatan Online MPSJ iaitu Portal my@mpsj yang merangkumi perkhidmatan seperti berikut:

- i. Cukai Taksiran – Semak, Bayar & Tukar Alamat Surat-Menyurat
- ii. Kompaun Trafik – Semak & Bayar dan Tunggakan Kompaun
- iii. Lesen Perniagaan (Tidak Berisiko) – Pembaharuan
- iv. Lesen Sepanduk dan Bunting – Permohonan dan Pembaharuan
- v. Lesen Anjing – Permohonan dan Pembaharuan
- vi. Sewaan dan Tempahan
- vii. Aduan (I-RESPONZ)
- viii. Cagaran dan Bil Pelbagai
- ix. Permohonan Perancangan Pembangunan (MyTech)
- x. Semakan Status Pembayaran Kontraktor
- xi. Biz Wizard
- xii. Borang-Borang MPSJ
- xiii. Tender Online MPSJ

2.5 MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BAHARU CINA PERINGKAT MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Peringkat MPSJ Tahun 2016 akan diadakan pada 27 Februari 2016 (Sabtu), pada jam 7.00 malam – 10.00 malam bertempat di Jalan PUJ 3/4, Taman Puncak Jalil, Seri Kembangan.

Majlis ini akan dihadiri oleh Tetamu Kehormat Y. B. Tuan Gobind Singh Deo, Ahli Parlimen Puchong.

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan sukacita menjemput semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ untuk turut sama memeriahkan Majlis Sambutan Perayaan Tahun Baharu Cina Peringkat MPSJ ini.

2.6 LAPORAN DEMAM DENGGI

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 6 (iaitu sehingga 14 Februari 2016) adalah sebanyak 1,431 kes denggi telah dilaporkan di kawasan MPSJ.

Sebanyak 33 lokaliti *hotspot* direkodkan iaitu 13 lokaliti di zon Subang Jaya, 2 lokaliti di zon Kinrara, 12 lokaliti di zon Seri Serdang dan 6 lokaliti di zon Seri Kembangan.

Sehubungan dengan itu, dalam memerangi kes denggi ini adalah menjadi harapan pihak Majlis agar penduduk perlu memastikan kawasan premis masing-masing bebas dari tempat-tempat pembiakan aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes.

Kerjasama masyarakat dengan melaksanakan Kempen 10 Minit dan gotong royong adalah amat diperlukan untuk memastikan kes denggi dapat dikurangkan.

2.7 PROGRAM KELULUSAN KHAS BINAAN TAMBAHAN BELAKANG TINGKAT ATAS DAN BALKONI HADAPAN RUMAH KEDIAMAN YANG TIDAK MEMATUHI GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN BANGUNAN MPSJ

Pihak MPSJ bercadang untuk meminda 2 garis panduan sedia ada bagi cadangan tambahan / ubahsuai rumah kediaman iaitu berkenaan keperluan mengadakan anjakan bangunan 5 kaki bagi tambahan bahagian belakang tingkat atas dari sempadan lot belakang dan keperluan mengadakan anjakan bangunan 15 kaki dari sempadan lot hadapan bagi binaan balkoni.

Cadangan pindaan ini diusulkan berikutan penemuan MPSJ bahawa kebanyakan pemilik telah membina tambahan belakang di tingkat atas kediaman mereka tanpa anjakan 5 kaki dari sempadan belakang lot kediaman, iaitu membina sehingga ke garis sempadan lot belakang manakala kebanyakan binaan balkoni hadapan telah dibina melampaui lebar 5 kaki seperti yang ditetapkan di dalam garis panduan sedia ada.

Kertas cadangan pindaan ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Perancangan Negeri Selangor (SPC) pada 15 Disember 2015 dan telah pun diluluskan. Sehubungan dengan itu, pihak MPSJ akan mengadakan program kelulusan khas bagi binaan tambahan belakang di tingkat atas dan balkoni hadapan yang telah dibina tanpa kelulusan MPSJ. Tempoh kelulusan khas ini akan berlangsung selama setahun bermula dari tarikh 01 Mac 2016.

Sebagai insentif menggalakkan pemilik-pemilik kediaman mengemukakan pelan kepada pihak MPSJ bagi program kelulusan khas ini, pihak MPSJ bersetuju mengecualikan penalti kesalahan membina dahulu sebelum kelulusan iaitu bayaran 10 kali gandaan fi dan hanya mengenakan bayaran kompaun '*flat rate*' sebanyak RM 500.00 sahaja ke atas pemilik-pemilik tersebut. Walau bagaimanapun, bayaran fi proses pelan masih perlu dijelaskan sewaktu permohonan dikemukakan dan pemilik juga hendaklah melangsaikan semua tunggakan kompaun, sekiranya ada dengan kadar RM 500.00 / kompaun bagi setiap kesalahan.

Selepas tempoh kelulusan khas tersebut tamat, iaitu bermula pada 01 Mac 2017, pemilik-pemilik yang mengemukakan pelan untuk kelulusan MPSJ dikehendaki membayar penalti kesalahan membina dahulu sebelum pelan diluluskan iaitu kedua-dua bayaran kompaun dengan kadar maksimum dan bayaran 10 kali gandaan fi proses pelan.

2.8 PENGECUALIAN CUKAI TAKSIRAN KE ATAS HARTANAH KEDIAMAN KOS RENDAH DAN KEDIAMAN KAMPUNG

Adalah dimaklumkan mengenai keputusan dasar Pengecualian Cukai Taksiran bagi kategori rumah kos rendah dan rumah kampung telah diluluskan di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-37/2015 yang telah diadakan pada 16 Disember 2015. Pengecualian ini hanya diberikan kepada Cukai Taksiran tahun semasa (2016) sahaja. Jika mana-mana hartanah mempunyai tunggakan Cukai, pihak Majlis masih boleh melaksanakan kutipan Cukai tersebut mengikut prosedur dan peraturan sedia ada.

Pengecualian Cukai Taksiran diberikan secara menyeluruh kepada semua kediaman kos rendah:-

- (i) Rumah yang dibeli dengan harga belian RM 42,000.00 dan ke bawah dari pemaju termasuk program Rumah Selangorku Jenis A;
- (ii) Mana-mana rumah kos rendah atau rumah kos rendah yang dibeli secara *sub-sale* yang di bawah mana-mana skim kos rendah yang telah diperakui oleh pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa perancangan melalui pelan bangunan yang diluluskan dan perakuan sijil layak menduduki yang telah dikeluarkan.

Pengecualian Cukai Taksiran bagi kediaman kampung pula, diberikan kepada semua bangunan kediaman kampung bagi mana-mana yang telah dikenakan Cukai termasuk kampung baru cina dan kampung tersusun **KECUALI** pembangunan terancang (masih dikenakan Cukai Taksiran).

Jumlah anggaran hartanah yang terlibat di dalam kawasan pentadbiran MPSJ adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pegangan	Jumlah Pegangan	Jumlah Cukai Taksiran
1.	Rumah dan Pangsapuri Kos Rendah	35,034	RM 5,357,198.72
2.	Rumah Kampung	8,806	RM 1,245,114.13
	JUMLAH KESELURUHAN	43,840	RM 6,602,312.85

Proses penjournalan bagi pengecualian Cukai Taksiran tahun 2016 ini akan dilaksanakan oleh pihak Majlis ke atas semua pegangan yang terlibat seperti yang dinyatakan di atas.

2.9 KEPUTUSAN MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG DENGAN; CADANGAN PELAKSANAAN PENGECEUALIAN FI LESEN PERNIAGAAN PENJAJA KECIL, PASAR MALAM DAN PASAR TANI DI PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2016

Adalah dimaklumkan bahawa, merujuk kepada keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke-37/2015 yang telah diadakan pada 16 Disember 2015 dan telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Ke-38/2015 pada 30 Disember 2015 yang telah membuat ketetapan dan keputusan seperti berikut;

Pelaksanaan pengecualian fi lesen penjaja, pasar malam dan pasar tani dilaksanakan dengan cara berikut;

Pengecualian melibatkan semua bayaran fi lesen penjaja bagi semua kategori aktiviti penajaan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor seperti berikut:-

- i. Lesen Gerai Majlis
- ii. Lesen Pasar Majlis
- iii. Lesen Kiosk Majlis
- iv. Lesen Pondok Bas
- v. Lesen Penjaja
- vi. Lesen Pasar Malam
- vii. Lesen Pasar Pagi
- viii. Lesen Pasar Swasta
- ix. Lesen Permit Penjaja Sementara

Pihak PBT boleh mengecualikan bayaran fi lesen ini bagi lain-lain kategori penjaja yang tidak disenaraikan, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Penuh PBT;

Penjaja perlu memohon lesen perniagaan / penjaja kepada PBT tertakluk kepada Undang-Undang Kecil dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;

Caj-caj perkhidmatan lain seperti caj tapak, caj proses dan bayaran petak masih dikenakan seperti biasa dan bayaran pemprosesan permohonan lesen adalah dikekalkan;

Pengecualian bayaran lesen ini bermula pada 01 Januari 2016 sehingga 31 Disember 2016.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 12/2015 BERTARIKH 22 DISEMBER 2015.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12/2015 bertarikh 22 Disember 2015 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 01/2016 BERTARIKH 22 JANUARI 2016.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 01/2016 bertarikh 22 Januari 2016 telah disahkan tanpa pindaan.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 01/2016 Bertarikh 03 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.6 m.s 34	Encik Chang Kim Loong	Knox Sieera Sdn. Bhd.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi Permohonan Pindaan Cadangan Pembangunan Perumahan 238 Unit Pangsapuri Kos Tinggi 20 Tingkat Di

				<p>Atas Lot PT 37174, Jalan BK 5B/5, Bandar Kinrara, Mukim dan Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Beliau mencadangkan agar pihak Majlis mengenakan syarat tambahan kepada pihak pemaju untuk membuat surat aku janji supaya tidak menjual unit kediaman tersebut kepada pembeli lain.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan memperhalusi isu-isu berbangkit berkenaan perkara ini untuk dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.</p>
2	para 4.24 m.s 80	Encik Yap Kok Weng	Dynamic Management Sdn. Bhd.	Beliau memohon penjelasan daripada pihak Majlis, adakah laporan <i>Traffic Impack Assessment (TIA)</i> telah diadakan di kawasan pembangunan ini.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pembentangan laporan TIA berkenaan projek pembangunan ini akan diadakan pada 18 Februari 2016.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini dan seterusnya menjemput Ahli Majlis MPSJ untuk menghadiri sesi taklimat TIA yang akan diadakan ini.</p>
3	para 4.26 m.s 89	Encik Chang Kim Loong	Swan Printing Sdn. Bhd.	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengambil tindakan pro-aktif dengan memberikan penjelasan dan menyediakan khidmat rundingan kepada pihak pemohon untuk mengemukakan permohonan yang lengkap dan mematuhi syarat- syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis bagi mendapatkan kelulusan.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang Bandar untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
Bil. 02/2016 Bertarikh 15 Februari 2016**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.3 m.s 10	Encik Wan Hock Leong	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Asrama Pelajar Di Jalan PJS 7/6, Bandar Sunway, Subang Jaya	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula syarat-syarat kelulusan bagi Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Membuat Perubahan Material Kegunaan Bangunan Daripada Kediaman Kepada Asrama Pelajar Di Jalan PJS 7/6, Bandar Sunway, Subang Jaya,

				<p>Selangor Darul Ehsan.</p> <p>Beliau membangkitkan isu berkenaan perkara ini supaya pihak Majlis akan meneliti dengan lebih terperinci ke atas semua permohonan yang akan diberikan pertimbangan oleh pihak Majlis di masa hadapan bagi sebarang permohonan cadangan tambahan dan ubahsuaian daripada rumah teres yang sedia ada kepada asrama memandangkan ia secara tidak langsung telah menyumbang kepada beberapa isu kejiwaan.</p> <p>Beliau turut memohon agar kajian berhubung perkara ini akan turut melibatkan kawasan PJS 9, Bandar Sunway yang turut berhadapan dengan isu yang sama.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis mewujudkan satu dasar yang jelas berkenaan perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan akan memperhalusi isu-isu berbangkit berkenaan perkara ini untuk dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) yang akan datang.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Jabatan Perancang Bandar diminta untuk menjalankan kajian yang menyeluruh serta mendapatkan statistik berkenaan perkara ini.</p> <p>Resolusi berhubung perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) bagi mendapatkan pandangan serta memuktamadkan dasar dan keputusan selanjutnya oleh pihak Majlis.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 01/2016 Bertarikh 03 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 01/2016 Bertarikh 04 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pelesenan

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 01/2016 Bertarikh 05 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.1 m.s 13	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Isu ' <i>Pot Holes</i> ' Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil tindakan pro-aktif bagi menangani isu-isu

				<p>berkaitan '<i>pot holes</i>' yang masih belum dapat diatasi secara sepenuhnya oleh pihak Majlis.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau memohon supaya pihak Majlis mengambil mekanisme yang lebih menyeluruh bagi menangani isu berkenaan perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa mulai bulan Februari 2016, pihak Majlis telah mengambil beberapa pendekatan dan tindakan pro-aktif bagi menangani isu berkaitan '<i>pot holes</i>' ini.</p> <p>Selain itu, pihak Majlis juga akan mempertingkatkan kecekapan bagi mengatasi isu-isu berbangkit berkaitan masalah infrastruktur di MPSJ dengan memberi keutamaan kepada isu-isu berkaitan jalan, longkang, lampu jalan dan juga masalah sampah.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan</p>
--	--	--	--	--

				Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam diminta untuk mengambil tindakan selanjutnya berkenaan perkara ini.
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 01/2016 Bertarikh 10 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.6 m.s 6	Encik Yap Kok Weng	Aktiviti " <i>Coring Test</i> " di Bandar Puteri, Puchong	Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 01 Tahun 2016 telah mencadangkan agar pelaksanaan aktiviti " <i>coring test</i> " dapat dijalankan di sekitar kawasan Bandar Puteri, Puchong. Jawatankuasa dimaklumkan jalan sedia ada di Bandar Puteri merupakan jalan lama yang telah diturap oleh pihak pemaju.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa pihak Majlis telah mengambil maklum mengenai perkara ini dan pihak Jabatan akan memperhalusi isu-isu berbangkit berkenaan perkara ini. Aktiviti "<i>coring test</i>" akan diadakan sekiranya terdapat keperluan di kawasan-kawasan yang tertentu.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Kejuruteraan untuk mengambil tindakan selanjutnya berkenaan perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 01/2016 Bertarikh 11 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1.6 m.s 17	Encik Chia Yew Ken	Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Dan Zon Bersih 2015 MPSJ	<p>Beliau memohon supaya Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02 Tahun 2016 bertarikh 17 Februari 2016 dapat memberi pertimbangan semula untuk mengadakan penganjuran Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Dan Zon Bersih 2015 MPSJ di venue hotel sepertimana penganjuran pada tahun-tahun sebelum ini.</p> <p><u>Keputusan:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02 Tahun 2016 bertarikh 17 Februari 2016 telah bersetuju untuk meluluskan penganjuran Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Dan Zon Bersih 2015</p>

				MPSJ di venue hotel dengan mengekalkan had peruntukan siling sedia ada iaitu sebanyak RM 82,050.00.
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 01/2016 Bertarikh 12 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Bahagian Landskap

5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 01/2016 Bertarikh 12 Februari 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.23 m.s 22	Encik Chia Yew Ken	Cadangan Penyewaan Petak Khas Oleh Titijaya Asset Sdn. Bhd. Di Kawasan First Subang Mall, SS 15, Subang	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ Bil. 01 Tahun 2016

			Jaya	<p>berhubung perkara ini.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau memohon pertimbangan agar pihak syarikat diberi peluang untuk memberikan taklimat berkenaan isu ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang akan datang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Perbendaharaan untuk mengambil tindakan selanjutnya berkenaan perkara ini.</p>
2	Hal-Hal Lain	Encik Tai Cheng Heng	Elaun Pembantu Ahli Majlis	<p>Beliau memohon supaya Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02 Tahun 2016 bertarikh 17 Februari 2016 dapat memberi pertimbangan semula untuk meluluskan pembayaran penuh bagi elaun Pembantu (PA) Ahli Majlis bagi bulan Januari 2016 memandangkan mereka telah menjalankan tugas sepenuhnya pada bulan Januari 2016.</p>

				<p><u>Keputusan:</u> Setelah meneliti dan berbincang, Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 02 Tahun 2016 bertarikh 17 Februari 2016 telah bersetuju untuk meluluskan pembayaran penuh elaun Pembantu (PA) Ahli Majlis bagi bulan Januari 2016 kepada Pembantu (PA) Ahli Majlis yang menjalankan tugas penuh pada bulan Januari 2016.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 6.1** Ucapan penangguhan dan notis usul diterima daripada Encik Chang Kim Loong.
- 6.2** YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(HAJI MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Setiausaha Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA